

# Kim Il Sung, Ideologi Juche dan Pemerintahannya di Korea Utara

---

oleh

Noor Shuhana Zamhuri

## PENGENALAN

Apabila menyebut tentang Korea Utara, tergambar sebuah negara yang terpencil, *reclusive*, miskin dan mempunyai ciri ciri politik warisan stalinism-komunism. Korea Utara seringkali dikembarkan dengan Kim Il Sung, presiden pertama Republik Demokrat Korea Utara (DPRK) yang merupakan pemimpin agung, mendapat gelaran *suryong*<sup>1</sup> dan diiktiraf seperti raja-raja tradisional zaman klasik Korea.<sup>2</sup> Boleh dikatakan dalam semua aspek kehidupan termasuk politik Korea Utara, imej Kim Il Sung mendapat *trade mark*. Beliau dianggap “model negara” dan merupakan “pemimpin yang paling dihormati dan dikasihi oleh empat puluh juta penduduk Korea Utara”. Beliau seolah-olah menjadi *icon* sanjungan bagi masyarakat Korea Utara. Semua surat khabar, majalah, poster, ucapan, program radio, lagu, nama-nama tempat, buku dan lain lain lagi, secara langsung atau tidak merujuk kepada Kim Il Sung. Tempat kelahirannya dikatakan sebagai “buai revolusi Korea” dan rumah di mana beliau dilahirkan diiktiraf sebagai tapak bersejarah.<sup>3</sup> Beliau bukan sahaja menjadi “star” malah merupakan “sun of the nation”. Sebenarnya tidak ramai yang tahu tabiat, hubungan peribadi ataupun personalitinya tetapi yang menariknya beliau telah

dapat mengubah negara sosialis Korea Utara, yang menerima pengaruh dan dominasi Soviet Union<sup>4</sup> kepada pengaruh dan dominasi ideologi pribadinya sendiri. Kim Il Sung telah menerapkan cara pemerintahan yang berteraskan personaliti serta menganggap dirinya sebagai "pemimpin agung" untuk seluruh bangsa Korea. Maka Korea Utara terbentuk dengan gelaran DPRK. Ia mempunyai sistem politik yang tersendiri, terpisah dari politik Korea Selatan yang liberal dan banyak menerima naungan Amerika Syarikat. Kim Il Sung membentuk Korea Utara dengan mengagungkan diri dan keluarganya sebagai satu cara untuk menguatkan bangsa sendiri yang terpisah akibat campurtangan asing.<sup>5</sup> Maka lahirlah ideologi *Jucheism*, hasil cantuman percaya kepada kebolehan diri-sendiri yang disebatikan dengan ciri-ciri peribadi Kim Il Sung atau Kim Il Sungism. Ideologi *Juche* kemudiannya berkembang dalam politik, sistem ekonomi dan hampir keseluruhan perjalanan hidup individu Korea Utara. Ciri-ciri Kim Il Sungism dikaitkan dalam semua perkara sebagai penghormatan terhadap pemimpin mereka. Kim Il Sung dianggap *great grandfather*, maka anaknya, Kim Jong Il digelar *great father*. Kim Il Sung dan ahli keluarganya dianggap sebagai "patriotik" dan "revolusiner". Sepanjang hayatnya ideologi *Juche* mendapat tempat dan hampir seratus peratus masyarakat Korea Utara menyenjangnya. Bagaimanapun selepas kematiannya pada 1994, anaknya dijadualkan mengambil tempat sebagai presiden DPRK untuk meneruskan cita-cita dan ideologi politiknya. Tetapi mampukah Kim Jong Il berfungsi seperti Kim Il Sung? Artikel ini akan memberi penekanan kepada latar belakang peribadi Kim Il Sung yang merupakan teras kepada penubuhan DPRK, ideologi *Juche* dan personalitinya sebagai Presiden DPRK. Artikel ini juga akan membincangkan kredibiliti Kim Jong Il dan regim pemerintahannya. Apakah Korea Utara akan terus tenggelam dalam ketaksuban Kim Il Sung? Kenapa Kim Il Sung berjaya di Korea Utara akan disimpulkan oleh penulis di bahagian akhir.

#### LATAR BELAKANG KIM IL SUNG

Kim Il Sung dilahirkan di Mangyungdai, berdekatan bandar Pyongyang pada 15 April 1912. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Pertama Fusung pada tahun 1925. Nama asalnya dikatakan Kim Song Joo tetapi kemudiannya menukar nama kepada Kim Il Sung sempena nama salah seorang pejuang gerila Korea pada awal abad ke-20.<sup>6</sup> Walaupun Kim Il Sung dilahirkan dari keluarga yang miskin beliau dikatakan mempunyai latar belakang seorang pejuang.

Keluarganya dikaitkan dengan semangat patriotism yang tinggi, terlibat dalam beberapa revolusi untuk memerdekakan Korea. Ayahnya, Kim Hyung Jik, seorang pejuang Korea dalam angkatan menentang Jepun meninggal dunia pada tahun 1926 sewaktu beliau berusia 14 tahun.<sup>7</sup> Kim Il Sung dan keluarganya berpindah ke Manchuria pada tahun 1920an sewaktu Perang Imjin.

Di Manchuria beliau mendapat pendidikan di sekolah Cina.<sup>8</sup> Pada tahun 1927 beliau dilantik mengetuai Persatuan Pelajar Korea Ryugil (RAKSK). Pada usia 15 tahun beliau dipenjarakan oleh kerajaan China kerana terlibat dalam pembentukan Liga Pemuda Komunis (YCL). Selepas dibebaskan pada Mei 1930 beliau menubuhkan Tentera Revolusi Korea (KPRA) pada Mac 1934, yang merupakan gerakan gerila menentang tentera Jepun. Pada ketika itu beliau berusia 18 tahun dan bercita-cita ingin mengalahkan tentera Jepun. Beliau meninggalkan ibunya, Kang Ban Suk<sup>9</sup> dan dua orang adiknya, Chul Joo dan Yung Joo untuk menjadi seorang tentera. Pada tahun 1931, beliau memasuki angkatan tentera gerila menentang Jepun di Manchuria yang secara tidak langsung menjadikan Kim salah seorang askar komunis Cina. Antara tahun 1932-41 beliau mengetuai gerila Korea menentang Jepun di Manchuria. Zaman pendudukan Jepun di Korea (1910-45) banyak memberikan latarbelakang kepada Kim Il Sung. Adiknya Chul Joo juga merupakan salah seorang pejuang anti-Jepun yang meninggal dunia pada usia 20 tahun.<sup>10</sup> Ibunya pula meninggal dunia sewaktu beliau berusia 20 tahun. Apa yang pasti Kim Il Sung mengalami kehilangan ahli-ahli keluarganya sewaktu beliau masih muda. Ini semakin menguatkan semangatnya untuk terus berjuang membebaskan Korea dari cengkaman penjajahan. Beliau berkahwin sebanyak tiga kali. Isteri pertamanya Kim Chung Ae merupakan ibu kepada Kim Jong Il. Isteri keduanya iaitu Kim Chong Suk, merupakan seorang pejuang gerila dan yang paling disayanginya. Manakala isteri ketiganya, Kim Song Ae merupakan pengerusi Kesatuan Wanita Demokrat Korea Utara.<sup>11</sup>

Pada tahun 1941, Kim meninggalkan Manchuria ke Soviet Union. Di sana beliau melibatkan diri dalam kumpulan revolusiner yang lain. Beliau banyak melancarkan kempen-kempen dan propaganda politik sehingga pulang semula ke Korea dalam pasukan askar Russia pada tahun 1945. Parti Buruh Korea (KWP) ditubuhkannya pada 28 Ogos 1946 yang merupakan parti bagi golongan yang bekerja, cantuman dari Parti Komunis Korea Utara dan Parti Demokrat Baru Korea. Kemudiannya beliau menubuhkan Parti Rakyat Korea Utara, sebagai kerajaan pertama untuk negara diktator proletarian Korea.<sup>12</sup> Pada Februari 1947

beliau dipilih sebagai pengerusinya. Pada 8 Februari 1948 beliau menyerapkan Askar Revolusi Rakyat Korea kepada Askar Rakyat Korea yang merupakan tulang belakang tentera Korea Utara. Pada kongres ke dua KWP yang diadakan pada Mac 1948, Kim Il Sung menetapkan dasar untuk kemerdekaan dan penyatuan negara dengan memperkuat asas-asas demokratik dan revolusiner bagi parti. Pada 9 September 1948 beliau menubuhkan DPRK dan menjadi kabinet kepada rakyat Korea Utara. Maka Kim Il Sung menjadi Presiden komunis dan ketua KWP.

Boleh dikatakan Kim Il Sung menerima pengaruh langsung dari Soviet sejak dari awal. Minat Soviet terhadap Korea Utara dan cita-cita Kim untuk membebaskan Korea dari pengaruh asing terutamanya Amerika telah membolehkan mereka bekerjasama. Beliau mengenyahkan pelawaan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk hadir dalam pilihanraya Republik Korea Selatan pada tahun 1948 dan menganggap bekerjasama dengan Bangsa-Bangsa Bersatu sesuatu yang memalukan. Beliau juga mengharamkan Bangsa-Bangsa Bersatu hadir dalam pilihanraya Korea Utara pada tahun 1948.

Kim Il Sung juga merupakan pengerusi bahagian tentera DPRK dan Komander Askar Rakyat Korea yang berpengaruh. Hubungan baik dengan pihak Soviet menjadikan Kim Il Sung pemerintah yang diiktiraf oleh negara komunis. Maka cita-cita untuk menyatukan negara serta mengkomunikasikan seluruh bangsa Korea telah mendapat perhatian dari pihak Soviet. Secara langsung dan tidak, dengan bantuan dan sokongan Soviet, Kim Il Sung telah melancarkan angkatan bersenjata menyeberang garisan 38 darjah garis lintang ke selatan sekaligus mencetuskan peristiwa Perang Korea yang merupakan satu trajedi untuk bangsa Korea. Ia bermula pada 25 Jun 1950 dan berakhir pada 27 Julai 1953. Maka peristiwa ini telah memisahkan satu bangsa kepada dua ideologi dan politik yang bertentangan sehingga hari ini. Perasaan marah, geram dan permusuhan telah menebal dalam diri rakyat Korea Selatan yang mempersalahkan Kim Il Sung kerana melancarkan perang saudara dan membunuh saudara sendiri. Tidak hairanlah selepas terjadinya Perang Korea Kim Il Sung tidak popular bagi rakyat Korea Selatan. Ia dibenci, dicerca dan dikatakan pembunuh bangsa. Tetapi di Korea Utara beliau muncul sebagai hero, dan disanjung seperti dewa. Atas jasa dan pemerintahannya di dalam mengekalkan kemerdekaan Korea Utara, beliau telah dianugerahkan Marshal DPRK pada Februari 1953. Selepas perang, beliau membina semula ekonomi, meneruskan pemerintahan satu parti dan berjaya membentuk *personality-cult* di kalangan rakyat Korea Utara. Beliau mengambil

*Jucheism* sebagai ideologi politik, iaitu cantuman idea Marxisme dan komunisme dan kemudiannya menerapkannya ke dalam sistem ekonomi dan masyarakat. Beliau merupakan pengerusi parti yang paling lama dan Setiausaha General bagi Parti Jawatankuasa Pusat; maka pada April 1992 beliau dianugerahkan gelaran *Generalissimo* oleh DPRK. Beliau juga telah dianugerahkan gelaran hero sebanyak tiga kali dan gelaran Hero Buruh DPRK serta beberapa anugerah lain.

Pada Julai 1994, beliau meninggal dunia di Pyongyang dalam usia 82 tahun. Kematianannya diratapi oleh jutaan rakyat Korea Utara. Semua golongan termasuk tua, muda, perempuan, kanak-kanak malah tentera juga turut bersedih dan meraung apabila mendapat berita kematianannya. Televisyen Korea Selatan merakam detik detik peristiwa pengebumian Kim dengan penuh kesedihan dan ratapan. Rakyat Korea Utara seolah-olah tidak dapat menerima berita kematian tersebut. Kanak-kanak tadika juga kelihatan menangis dan meratap seperti golongan tua dan dewasa. Ini jelas memperlihatkan kesedihan dan betapa sayangnya mereka kepada pemimpin mereka.<sup>13</sup> Rakyat Korea Utara hanya mengenali seorang pemimpin sahaja iaitu Kim Il Sung dan kematianannya dianggap sesuatu kehilangan besar. Anaknyanya sendiri, Kim Jong Il yang sepatutnya menjadi pengganti beliau diragui berkebolehan untuk meneruskan perjuangan Kim Il Sung.

### **DASAR DAN PEMERINTAHAN KIM IL SUNG**

Setelah negara Korea Utara terbentuk secara rasmi Kim Il Sung menjadi presiden DPRK yang pertama. Bagaimanapun terdapat rombakan kuasa sejak penubuhan Republik DPRK 1948 yang dicipta dan didominasi oleh Kim Il Sung sendiri. Beliau mahu menjadi ketua dari segi undang-undang yang sebenarnya, Perlembagaan baru dicipta untuk menyalurkan falsafahnya sebagai ideologi bagi masyarakat dan negara Korea Utara. Beliau telah menjadikan tradisi revolusi sebagai tradisi Korea, menubuhkan pejabat baru untuk presiden dan organ pentadbiran yang berkuasa pada Majlis Jawatankuasa Rakyat. Kim Il Sung sebagai Presiden Republik, pengerusi majlis dan peranannya jelas dalam tentera sebagai komander dan pengerusi Jawatankuasa Pertahanan Negara.

Pada sidang mesyuarat *plenary* ke enam Jawatankuasa Pusat KWP pada Ogos 1953, beliau menetapkan ekonomi sosialis sebagai teras ekonomi negara dan memberi penumpuan kepada pertumbuhan industri berat. Industri ringan dan pertanian juga diberi perhatian terutama untuk kawasan luar bandar. Beliau



memperkenalkan Plan Lima Tahun untuk pembangunan ekonomi negara pada kongres ke tiga KWP pada April 1956. Sejak itu Kim Il Sung mula memperkenalkan idea-idea sosialism dengan mencipta kaedah dan semangat *Chongsanri* (pengurusan sosialism) di dalam memperkenalkan idea-idea komunis dan pemerintahan rakyat yang berteraskan kepimpinan massa dalam KWP.<sup>14</sup> Beliau menjelaskan revolusi ideologi, teknikal dan pertanian akan berlaku dalam masyarakat sosialis setelah sistem sosialism terbentuk dan ini mesti diteruskan sehingga sistem komunism menjadi kenyataan.

Pada sidang kongres ke empat KWP yang diadakan pada September 1961 beliau memperkenalkan pula industri sosialism dengan melengkapkan semua sektor ekonomi negara dengan teknik-teknik moden dalam membangunkan negara industri sosialis. Ini jelas dalam Plan Ekonomi ke Tujuh phasa pertama di mana beliau mementingkan sektor pertanian. Seajar dengan ini beliau memilih kawasan industri Elektrik Taean dan kawasan Sukchon, wilayah Pyongan pada Disember 1961 dengan memperkenalkan *sistem kerja Taean* yang merupakan sistem baru dalam pengurusan industri pertanian. Beliau juga memperkenankan idea dan teori untuk negara sosialis bagi membina kawasan luar bandar dengan idea-idea sosialis. Kim Il Sung yakin dengan ekonomi sosialis negara Korea Utara akan makmur dan dirinya akan berjaya sebagai pemimpin agung yang mementingkan satu parti dominasi rakyat.

Serentak dengan itu Kim juga memperkenalkan dasar tentera yang dapat membentuk satu cadre, dengan mententerakan rakyat dan memperkuat negara. Semua ini akan menjadi kenyataan seandainya dijadikan dasar negara; maka Kim Il Sung membentuk Perlembagaan Sosialis untuk DPRK yang dipersetujui dalam Perhimpunan Majlis Rakyat ke lima pada Disember 1972.<sup>15</sup> Boleh dikatakan regim Kim tiada masalah dan beliau merubah perlembagaan pada tahun yang sama kepada pemerintahan berpusat yang lebih bercorak personnel yang dikuasai olehnya dan ahli keluarganya sahaja. Kim mahu rakyat setia kepadanya, kepada anaknya Kim Jong Il dan taatkan ibu bapa. Ini merupakan satu kelainan pada dasar pemerintahan negara sosialis di mana Kim Il Sung memfokuskan kepada diri dan keluarganya sahaja.

Kim mahu menjadi promoter untuk dirinya sebagai pemimpin di Korea Utara dan apabila berdepan dengan rakyat Korea Selatan. Beliau menggunakan parti untuk mendapatkan kuasa dan menubuhkan struktur kerajaan untuk memerintah negara berdasarkan pribadi daripada corak komunis. Beliau telah melanggar undang-undang dengan melebihi had tempuh perkhidmatan selama

empat tahun sahaja tetapi tiada siapa yang berani mempersoalkannya. Malah seluruh rakyat Korea Utara termasuk Jawatankuasa Rakyat dan parti merasakan tiada siapa yang lebih layak dari Kim sendiri. Banyak perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang dikaitkan dengan kuasa presiden dan presiden boleh membatalkan sesuatu.<sup>16</sup> Maka kuasa Kim terus mutlak dan idealoginya menjadikan rakyat taksud kepadanya tanpa soal jawab.

...his every action is made to be heroic and his words or remarks automatically become law, with absolute power.<sup>17</sup>

Maka berkuasalah Kim Il Sung dengan caranya yang tersendiri di Korea Utara. Beliau cuba memberi kuasa kepada anak lelakinya iaitu Kim Jong Il sewaktu hayatnya lagi. Kim Il Sung memperkenalkan identitinya bagi rakyat Korea Utara sebagai diktator *Jucheism*. Rakyat pula menerima Kim sepenuhnya dan mengagungkannya. Mereka memakai lencana yang terdapat gambar Kim dan selepas beliau meninggal gambarnya digantikan dengan gambar anaknya, Jong Il. Lencana ini terdapat dalam berbagai bentuk, saiz dan warna. Rakyat asing tidak dibenarkan membeli lencana tersebut, hanya rakyat Korea Utara dan mereka yang menyanjung Kim Il Sung sahaja layak memakainya. Kanak-kanak sejak berusia tiga tahun lagi diajar menghormati dan membongkok di hadapan potrait Kim. Potrait Kim akan digantung di semua bangunan. Di bangunan tempat orang-orang Korea berkahwin juga terdapat potrait Kim. Maka pasangan yang berkahwin akan memberi hormat kepada Kim Il Sung selepas upacara penyembahan nenek moyang. Bersebelahan potraitnya adalah potrait Kim Jong Il, yang merupakan penggantinya yang telah dipropagandakan sejak tahun 1970an lagi. Banyak lagu-lagu yang dicipta untuk *great leader*. Semua lagu-lagu tersebut bercorak propaganda yang mengagungkannya dan pemerintahannya. Kanak-kanak tadika disaran menyanyikan lagu "kita rakyat paling gembira sekali di dunia". Sebuah lagu dicipta khas, bertajuk *song of marshal Kim Il Sung* akan dinyanyikan sebelum lagu kebangsaan negara dimainkan.

Kim Il Sung mempunyai slogan politik iaitu "uisin chakch'uk" bermaksud membentuk diri dari contoh seseorang dalam karier politiknya. Stalin dan Lenin merupakan model peribadinya. Sosialism dan komunism merupakan teras politiknya. Tetapi apa yang berlaku di Korea Utara di bawah pimpinan Kim adalah suatu keadaan yang ganjil dalam politik diktator moden apabila beliau mengubahsuaikannya kepada politik mementingkan diri dan keluarganya.

Beberapa tempat seperti universiti, cerita, bunga, sekolah telah meletakkan namanya.

Untuk memastikan sebuah regim yang selamat dan terkawal, Kim Il Sung membahagikan rakyat DPRK kepada 51 katagori bagi memerhatikan kesetiaan mereka terhadap beliau. Terdapat tiga kelas yang rigid iaitu, kelas Teras, kelas Tak Stabil dan Seteru. Kelas Teras adalah mereka yang dikenalpasti kesetiannya kepada Kim dan keluarganya. Kelas Tak Stabil adalah mereka yang seakan-akan menyokong Kim tetapi dikhuatiri menyebelahi politik dan idealogi Korea Selatan atau lain-lain. Manakala kelas Seteru adalah mereka yang dikenalpasti tidak setia kepada Kim dan merupakan anggota di dalam kem tahanan. Pengelasan masyarakat adalah berdasarkan latar belakang keluarga dan pekerjaan untuk mengenalpasti penyokong atau musuh politiknya.<sup>18</sup> Untuk mengawal masyarakatnya Kim Il Sung memastikan mereka menganggotai organisasi sosial yang ditetapkan. Kanak-kanak lelaki wajib menganggotai kumpulan *scout*, pemuda dalam Liga Buruh Sosialis Pemuda, mereka yang bekerja dalam kumpulan Persatuan Kesatuan Sekerja, kaum wanita dalam Kesatuan Demokrat Wanita Korea, artis dalam persatuan sastera dan seni dan lain-lain lagi. Semua ini bertujuan memastikan masyarakatnya berorganisasi dan ini memudahkan beliau mengawal mereka atau memastikan kesetiaan mereka mengikut idealogi Kim Il Sungism.

Korea Selatan yang merupakan sebahagian dari Korea dianggap musuh kerana berlainan idealogi politik. Sejak pemisahan Korea, terdapat beberapa usaha yang cuba dijalankan oleh pihak Korea Selatan bagi menyelesaikan masalah penyatuan semula. Dasar ke Utara dijalankan bagi membolehkan ke dua-dua Korea berbincang masalah dan masa depan mereka. Dalam usaha-usaha penyatuan semula yang disaran oleh pihak Korea Selatan menerusi dialog Utara-Selatan Kim Il Sung menggariskan tiga prinsipal untuk penyatuan negara; iaitu kemerdekaan, keamanan penyatuan dan penyatuan bangsa Korea. Kim mahukan bangsa Korea ditadbir oleh bangsa Korea sendiri dan tidak mahu adanya campurtangan asing apalagi peranan yang dimainkan oleh pihak Amerika Syarikat. Bagaimanapun pihak Korea Selatan masih memerlukan Amerika dan Amerika masih mempunyai markas tenteranya di Korea Selatan. Keadaan ini makin rencam apabila pihak Korea Selatan mahu usaha-usaha penyatuan dilakukan mengikut cara mereka manakala Kim Il Sung mahukan penyatuan berdasarkan Konfederasi Koryo.<sup>19</sup>



Berdasarkan konfederasi tersebut ideologi *Juche* merupakan ideologi utama yang perlu dikekalkan. Malah kedua-dua Korea perlu mentadbir bahagian sendiri dengan aliran politik masing-masing. Permintaan ini pasti tidak dipersetujui oleh pihak Korea Selatan yang mahu penyatuan dilakukan mengikut sistem liberal demokrasi. Pastinya pihak Korea Selatan tidak bersetuju dengan ekonomi atau masyarakat sosialis kerana ini semakin memecahkan masyarakat Korea. Ekonomi dan masyarakat sosialis merupakan cita-cita utama yang ingin dibentuk oleh Kim Il Sung maka usaha-usaha ke dua-dua Korea masih belum ada jalan penyelesaian. Bagaimanapun Kim Il Sung semakin memperkuat propaganda politiknya di Utara.

Pada Disember 1977 Kim Il Sung secara rasmi memperkenalkan ekonomi berorientasikan *Jucheism* dalam Plan Ekonomi ke Tujuh fasa ke dua antara tahun 1978-84. Maka semua aspek dalam pemerintahan Kim Il Sung dimobilisasikan mengikut idea sosialis berdasarkan kehendak Kim Il Sung sendiri. Dan *Jucheism* menjadi tema utama untuk memodelkan seluruh rakyat Korea Utara dalam revolusi Korea bagi membina ekonomi sosialis. Ini telah diterima secara rasmi dalam kongres ke enam KWP pada Oktober 1980. Bagaimanapun beliau berhati-hati dalam hubungan luar. Politikanya tidak terbuka dan Korea Utara menjalankan dasar pintu tertutup. Pemerintahan DPRK hanya menjalankan idea dan kuasa mengikut kehendak Kim Il Sung sahaja.

### **IDEALOGI JUCHE**

Kim Il Sung begitu kagum dengan idea-idea Stalin dan pernah menganggapnya sebagai *god father* sewaktu Stalin masih hidup. Maka idea *Juche* datangnya dari mereka yang mengkaji sosialism di Russia. Tetapi idea sosialism yang berada di Korea agak unik, seolah-olah menjadi *Korean socialism* mengikut cara dan kuasa mutlak Kim Il Sung atau apa yang dikatakan *monarchial socialism*. Bagi rakyat Korea Selatan *Jucheism* adalah ideologi rasmi Korea Utara untuk melengkapkan kediktatoran Kim Il Sung.<sup>20</sup> *Juche* bermaksud, "melakukan sesuatu dengan sendiri atau berdikari tanpa memerlukan pertolongan luar" bagi mengekalkan kemerdekaan negara. Dengan kata lain *Jucheism* atau *self-reliance* bermaksud otonomi dalam kuasa politik, ekonomi dan sosial. Terasnya adalah sosialism dan Marxism ala-Soviet tetapi Kim Il Sung menjadikannya sebagai ideologi berkenaan dirinya atau Kim Il Sungism.

Mengikuti sarjana Korea, "*Jucheism* merupakan satu bentuk budaya dan kekuatan di kalangan rakyat Korea Utara".<sup>21</sup> Boleh dikatakan ideologi *Juche* merupakan aspek utama di dalam memahami sistem nilai masyarakat Korea Utara, berdasarkan keadaan sebenar sosio-ekonomi dan manipulasi politik oleh Kim Il Sung.

Nasionalism merupakan komponen utama di dalam ideologi *Juche*. Orang-orang Korea Utara sudah ditanam dengan semangat anti-Jepun, kemudiannya selepas berlakunya pemisahan Korea, digemburkan dengan semangat anti-Amerika. Kim Il Sung yang mempunyai latar belakang pejuang anti-Jepun mulai mendapat tempat dengan penerapan semangat anti-asing tersebut. Tidak mustahil Kim Il Sung menggunakan sentimen tersebut untuk membentuk *charisma* politiknya.

*Jucheisme* juga bermaksud *man-centered* di mana manusia membuat keputusan untuk semua perkara, bebas, kreatif, bertanggungjawab dan menjadi *master* dalam masyarakatnya. Tetapi yang menjadi pemimpin masyarakat adalah ketua, maka Kim Il Sung berusaha membentuk dirinya menjadi pemimpin agung dan yang diagung-agungkan oleh rakyat. Rakyat wajib mentaati pemimpin kerana dianggap penyelamat negara, malah budaya Konfucianisme menegaskan aspek *loyalty* kepada ketua di dalam melahirkan tanggungjawab *filial fiety*. Secara langsung atau tidak *Jucheism* membentuk kolektivisme di kalangan masyarakat Korea Utara selaras dengan kata-kata Kim Il Sung dalam Perlembagaan Sosialis Korea Utara, artikel 49;

Socialist life-style is in every particular collectivist life-style. In the Democratic People's Republic of Korea, the right and obligation of the citizen is founded on such a collectivist principle as one for all, all for one.<sup>22</sup>

*Jucheism* disemai dalam jiwa seluruh rakyat Korea Utara di semua peringkat. Bermula dalam sistem pendidikan; pelajar-pelajar sekolah diajar sejak tadika lagi untuk mentaati dan mengasihi ketua, yakni Kim Il Sung. Sesiapa yang menentangnya dihukum, dipenjara atau ditahan di kem-kem tahanan. Mereka akan diasingkan dari keluarga dan masyarakat. Mereka yang disyaki menentang atau bertentangan ideologi akan didenda, dipaksa berlajar, diterap dengan ideologi Kim Il Sungism yang bercorak revolusiner. Mereka ditempatkan dalam kawasan yang tertutup, dibenarkan menanam jagung dan kentang untuk makanan harian tanpa bekalan ubat-ubatan. Walaupun dalam keadaan sakit, mereka akan dipaksa

bekerja 12 jam sehari seperti kerja-kerja melombong dan menambak tanah. Ramai juga yang mati akibat kurang zat makanan dan penyakit di dalam kemahanan tanpa harapan untuk melarikan diri. Mereka yang melarikan diri akan ditembak serta merta. Dan bagi yang dapat ditangkap hidup-hidup akan dijadikan objek sasaran bagi latihan menembak tentera.<sup>23</sup>

Maka secara langsung atau tidak rakyat Korea Utara mesti patuh kepada pemimpin. Patuh dan taat kepada pemimpin samada disebabkan oleh rasa takut, benci atau tiada pilihan menyebabkan ideologi Kim Il Sungism berkembang dan mengekalkan Kim sebagai Presiden DPRK. Idea menerapkan rasa sayang kepada pemimpin merupakan satu langkah terbaik untuk menyemaikan perasaan tersebut. Maka imej Kim Il Sung segar dalam ingatan rakyat. Media massa menceritakan prihal yang sama. Dilaporkan dalam suratkhbar enam halaman Korea, nama Kim Il Sung disebut-sebut sebanyak 241 kali.<sup>24</sup> Ideologi ini merupakan satu propaganda politik yang telah mengekalkan kuasa Kim Il Sung di Korea Utara. Propaganda merupakan cara utama untuk mententeramkan masyarakat dan menyemai perasaan tunduk mereka kepada ketua negara. Rakyat mesti taat. Pemimpin dianggap agung, negara dianggap tempat terbaik untuk diduduki dan rakyat tidak tahu apa yang berlaku di dunia luar. Sekatan dan hasutan menjadikan mereka takut. Tetapi ramai yang menerima ideologi tersebut kerana telah disebatikan sejak mereka kecil lagi.

Berdasarkan ideologi *Juche*, hak-hak asasi manusia diketepikan sama sekali. Remaja tidak dibenar bercampur gaul. Mereka yang bercinta dianggap kurang bermoral dan usul perkahwinan perlu mendapat persetujuan dari parti terlebih dahulu. Lelaki di bawah umur 30 dan perempuan di bawah umur 28 tidak dibenarkan berkahwin kerana berkahwin awal dianggap akan mengurangkan produktiviti buruh. Jika perempuan berasal dari Pyongyang dan lelaki dari luar kota, maka pasangan tersebut tidak boleh tinggal di Pyongyang. Mereka tidak digalakkan berkahwin di luar kawasan mereka. Tiada kebebasan beragama dan sebarang lawatan dihadkan. Rakyat Korea Utara hidup sekadarnya bersesuaian dengan negara sosialis yang dibentuk. Mereka tidak mempunyai kenderaan, malah tidak dibenarkan menaiki basikal. Mereka juga perlu mendapatkan permit perjalanan untuk ke tempat kerja. Mereka dibenarkan memiliki radio tetapi tidak dibenarkan mendengar siaran asing.<sup>25</sup> Kaum perempuannya mempunyai stail rambut yang sama manakala kaum lelaki memakai baju yang sama warna. Kanak-kanak perempuan di bawah umur 10 tahun diwajibkan memakai bunga yang diperbuat dari kain di kepala mereka dan kaum perempuan tidak akan

berani berseluar panjang dan semua bangunan tidak mempunyai langsir. Terdapat kira-kira 40,000 Pusat Pengkajian Kim Il Sungism di seluruh Korea Utara samada di kilang, pejabat, agensi awam, sekolah dan sebagainya. Pusat ini menyediakan poster, ucapan, hasil tulisan, buku, peta dan lain-lain yang berkenaan Kim dan perjuangan revolusinya.<sup>26</sup>

Ideologi *Juche* dikatakan diperkenalkan buat pertamakalinya oleh Hwang Jang Yop.<sup>27</sup> Kenyataan ini dibuat berdasarkan keterangan yang dibuat olehnya pada 30 September 1966 dalam ulangtahun ke 20 Universiti Kim Il Sung tentang "ketaatan kepada Presiden dan Parti".

Loyalty to the Party and the President is the first life and glorious tradition  
of the University.<sup>28</sup>

Idea ini diambil oleh KWP sebagai ideologi utama selaras dengan garis panduan parti berteraskan Marxism-Leninism. Kemudiannya Kim Jong Il mengembangkan idea ini apabila beliau mengambilalih tugas-tugas parti. Bagaimanapun Hwang Jang Yop dikenali sebagai orang kuat dalam politik Korea Utara. Beliau lebih terkenal sebagai ahli politik dari professor universiti. Bagaimanapun selepas kematian Kim Il Sung beliau mendapati ideologi *Juche* telah diselewengkan oleh mereka yang mahu mengekalkan kuasa di Korea Utara. Berita beliau melepaskan diri ke Korea Selatan merupakan satu kejutan besar buat seluruh rakyat Korea Utara dan Selatan. Nampaknya *Jucheisme* hanya bertahan sewaktu Kim Il Sung masih hidup. Keadaan semakin buruk apabila Korea Utara mengalami masalah dalaman seperti bencana alam, kekurangan makanan, tidak kalibernya pengganti Kim Il Sung dan sebagainya.

### REGIM KIM JONG IL

Kim Jong Il merupakan anak lelaki Kim Il Sung yang sering disebut sebut sebagai pengantinya bagi memerintah Korea Utara. Beliau telah di lahirkan pada 16 Februari 1942 di Siberia dalam keluarga pejuang gerila. Beliau mendapat pendidikan awal antara September 1950 hingga Ogos 1960 di Jerman sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Kim Il Sung dari September 1960 hingga March 1964.<sup>29</sup> Beliau digelar *suri yuri* oleh Kim Il Sung dan merupakan *successor design* bagi DPRK. Beliau banyak menulis tentang idea-idea revolusi bapanya sewaktu berada di universiti terutama tentang *Jucheism* dan masyarakat sosialis. Jong Il juga digelar *party center* bagi menunjukkan peri pentingnya

imej beliau bagi rakyat Korea Utara. Sebenarnya latar peribadi Kim Jong Il tidak jelas. Tetapi kebanyakan report menyatakan beliau tidak sekaliber bapanya dan banyak menghabiskan waktu dengan berpoya-poya. Disebabkan Kim Il Sung mahu menyerahkan kuasa Korea Utara kepadanya Kim Jong Il telah diserapkan ke dalam kabinet parti secara langsung. Beliau dijadikan setiausaha KWP sejak Jun 1964 dan kemudiannya menjadi ahli Jawatankuasa Politik bagi Jawatankuasa Pusat pada Februari 1974. Beliau telah berusaha memperkuat parti dengan menerapkan sistem satu ideologi bagi masyarakat Korea Utara. Tugas beliau adalah mendidik ahli-ahli parti kepada ideologi *Juche*. Beliau kemudiannya dipilih sebagai ahli dalam Biro Politik dan setiausaha bagi pertahanan Jawatankuasa Parti Pusat dalam persidangan kongres ke enam KWP yang diadakan pada Oktober 1980. Pada 1990 beliau menjadi Naib-Pengerusi bagi Jawatankuasa Pertahanan Negara DPRK dan komander askar Korea pada Disember 1991. Pada April 1992 beliau dianugerahkan Marshal DPRK. Beliau juga mendapat gelaran hero sebanyak dua kali dan Order of Kim Il Sung sebanyak tiga kali. Pada 9 September 1997 beliau dilantik secara rasmi sebagai Presiden DPRK selepas kira-kira tiga tahun Kim Il Sung meninggal dunia.

Selepas Kim Il Sung meninggal, rata-rata rakyat Korea Utara merasakan kehilangannya. Pemimpin atasan parti terus mengingati beliau. Pejabat rasminya dijadikan sebagai dewan peringatan. Mereka mengadakan parti hari lahir dan membuat slogan-slogan bagi memperingatinya. Ajarannya iaitu *Yubun* terus dikekalkan dan Kim Jong Il pula cuba dijadikan model seperti Kim Il Sung dengan slogan-slogan berikut;

Comrade Kim Il Sung is just the Comrade Kim Jong Il and Comrade  
Kim Jong Il is just the Comrade Kim Il Sung.<sup>30</sup>

Bagaimanapun Kim Il Sung tetap Kim Il Sung dan Jong Il tidak seperti bapanya. Sejak kematian Kim Il Sung, pihak tentera mendominasi pentadbiran DPRK. Kim Jong Il didapati tidak menunjukkan kebolehannya maka itulah sebabnya perlantikannya sebagai presiden ditangguhkan selepas satu tahun berkabung. Bagaimanapun sarjana Korea, Prof Tae Hwan Kwak menyatakan penangguhan perlantikan Jong Il adalah disebabkan keadaan ekonomi.<sup>31</sup> Pada ulangtahun hari lahirnya yang ke 50, 40 orang pemimpin atasan Pyongyang telah tidak hadir. Ini dikatakan dari peranan Jong Il yang tidak menyakinkan.<sup>32</sup> Beliau



dikatakan menghadapi masalah kesihatan. Pada Tahun Baru (1995) belian tidak muncul memberikan mesej tahun baru sebaliknya menggantikan dalam bentuk editorial yang dibuat oleh pihak KWP. Desas desus mula kedengaran bahawa Jong Il tidak berkelayakan seperti bapanya. Dalam ulangtahunnya yang ke 55, Kim menyambutnya secara besar-besaran sehingga dikatakan "festive occasion for all human beings"<sup>33</sup>. Parti ini bertujuan untuk mengiktiraf dirinya sebagai Pemimpin agung apabila berjuta-juta rakyat, dari parti buruh, kerajaan, petani, pegawai, tentera, dan lain-lainnya datang ke Pyongyang untuk menghantar "letters of loyalty" kepadanya. Parti ini dikatakan menelan belanja yang banyak. Keadaan semakin tegang dengan bencana alam yang memusnahkan tanaman dan pertanian. Maka Korea Utara mengalami masalah kekurangan makanan sehingga mengakibatkan kebuluran. Bantuan luar terutamanya dari Bangsa-Bangsa Bersatu dan negara luar diminta membantu masalah kekurangan makanan di Korea Utara.

Disebabkan masalah-masalah dalaman tersebut regim Kim Jong Il dilihat gagal memberi keharmonian dan kesejahteraan kepada masyarakatnya. Keadaan semakin dahsyat apabila bilangan angka kematian meningkat dan ramai yang lari meninggalkan negara ke Korea Selatan, ke China atau ke Soviet Union. Korea Utara dilihat tidak selamat lagi untuk dihuni apabila tiada makanan. Slogan "pemimpin agung" tidak membantu apa-apa apabila perut kelaparan. Keadaan ini semakin membuatkan keadaan di Korea Utara tidak terkawal. Hwang Jang Yop, salah seorang politikus kanan Kim Jong Il, lari ke Korea Selatan empat hari sebelum "festive occasion" ulangtahun kelahiran Jong Il. Keadaan ini benar-benar memeranjatkan Korea Utara. Hwang menganggap masalah kekurangan makanan membuatkan beliau berhijrah ke Korea Selatan *via* Beijing.

Kim Jong Il dianggap gagal memperbaiki masalah Korea Utara sebaliknya banyak menghabiskan masa dan wang negara. Beliau juga terkenal sebagai "ladies' man, heavy drinker with mental instability".<sup>34</sup> Keadaan masa kecilnya yang bermasalah menjadikan beliau seorang yang tidak berkeyakinan. Regimnya tidak popular malah menjadikan ideologi *Juche* dan DPRK terancam. Masalah dalaman Korea Utara semakin kronik dan rakyat mempersalahkan dasar kerajaan dan pemimpin. Jong Il dianggap tidak patut menerajui DPRK. Jong Il tidak dapat menjadi pemimpin agung walaupun bapanya benar-benar dianggap pemimpin agung. Imej Kim Il Sung terus mekar dan mereka menganggap Kim Il Sung satu-satunya Presiden di Korea Utara. Kim Il Sung mementingkan kewibawaan manakala Jong Il dibentuk menjadi pemimpin di bawah pusingan kuasa. Kim Il

Sung lebih prihatin dengan masalah ekonomi dan cuba membentuk ekonomi sosialis manakala Jong Il lebih risau regimnya akan jatuh disebabkan masalah ekonomi yang melanda. Peranannya banyak ditampung oleh parti. Maka personaliti Kim Jong Il tidak layak dianggap *great leader*. Bagaimanapun pemimpin atasan terus meneruskan propaganda politik dengan menganggap Kim Jong Il seperti Kim Il Sung untuk mengelabui mata rakyat. Bagaimanapun rakyat Korea Utara mula sedar apa yang berlaku. Mereka pasti tiada perubahan yang akan dibuat maka mereka melarikan diri meninggalkan sanak saudara dan keluarga untuk mendapatkan hak asasi sendiri.

### **KESIMPULAN: SEBAB-SEBAB KEJAYAAN KIM IL SUNG**

Boleh dikatakan Kim Il Sung berjaya membentuk dinasti di Korea Utara. Beliau muncul dengan imej yang diciptanya sendiri. Berlatarbelakangkan perjuangannya menentang kuasa asing beliau membentuk pemikiran rakyat Korea Utara agar membenci kuasa asing. Rakyat digembar gemburkan dengan propaganda bahawa apa yang ada di luar Korea Utara adalah buruk. Maka rakyat hanya mengenali dirinya sebagai pemimpin dan negara mereka sahaja. Maka penerapan ideologi *Jucheism* berjaya menyakinkan rakyat Korea Utara bahawa mereka mampu melakukan sesuatu perkara dengan usaha sendiri tanpa pertolongan orang lain. Maka idea *Juche* segar kekal dalam pemikiran rakyat dan penerapannya dalam semua aspek termasuk politik, ekonomi dan sosial terus mendapat tempat apabila rakyat sudah "dipropaganda dan dihasut". Maka pemikiran rakyat sudah boleh menerima konsep pemimpin agung dan terus mengagungkan pemimpin mereka. Keadaan ini membantu menjayakan regim Kim untuk menegapkan diri dan kuasanya sebagai pemimpin komunis yang paling lama bertahan. Dasar-dasar *Kim Il Sungism* mengambil tempat dalam setiap aspek kehidupan masyarakat Korea Utara. Maka beliau menjadi *suryong* yang paling disayangi. Malah anaknya sendiri, Kim Jong Il gagal mengatasi bayangan Kim Il Sung di Korea Utara.

Kim berjaya membentuk DPRK kerana cita-cita politiknya untuk mengkomunikasikan seluruh rakyat Korea dan mententerakan mereka. Negara jiran seperti China dan Soviet merupakan model terhampir yang membuatkan rakyat terus menerima dengan yakin. Dasar pengasingan yang tidak membenarkan mereka melihat atau mendengar siaran radio atau televisyen asing menyebabkan rakyat tidak berpeluang mengetahui apa yang berlaku di dunia luar. Maka mereka hanya tahu apa yang ada di negara sendiri sahaja.

Regim Kim Il Sung juga banyak melancarkan dasar propaganda dan hasutan. Slogan-slogan yang mengagungkan pemimpin dan menyatakan negara dan rakyat Korea Utara yang terbaik membuatkan rakyat terpedaya. Hasutan-hasutan memenjara dan memencilkan mereka yang berbeza ideologi menakutkan rakyat. Dasar kekerasan dan kurang kemanusiaan untuk mereka yang tinggal di kem-kem tahanan merupakan pengalaman yang ngeri. Idea-idea untuk memencilkan masyarakat dan pemikiran mereka semakin membuatkan rakyat menerima membuta tuli keadaan yang ada di Korea Utara. Walaupun hidup miskin dan susah tetapi propaganda yang dilaung-laungkan seolah-olah mereka adalah bangsa yang kaya dan harmoni, masyarakat yang terbaik dan rakyat yang paling gembira. Maka mahu atau tidak mereka harus mengikut dasar yang dipraktikkan. Dasar pemencilan, propaganda dan hasutan menjadikan rakyat terpengaruh dan tiada pilihan. Maka Kim Il Sung terus mendapat tempat dan penghormatan. Sebuah patung beliau berukuran 20 meter panjangnya dibina sebagai lambang penting DPRK.

Rakyat DPRK dibentuk untuk menjadi negara dan masyarakat sosialis. Maka mereka bekerja keras beberapa jam sehari dikuti dengan kelas-kelas hasutan dan propaganda di waktu petangnya membuatkan rakyat terlalu penat untuk memikirkan perkara lain. Mereka tiada masa, peluang dan pendedahan menyebabkan dasar Kim Il Sungism berjaya diserapkan.

Pendidikan ideologi diberikan sewaktu kanak-kanak lagi. Kanak-kanak dianggap pemimpin di masa hadapan. Maka rakyat diajar ideologi *Juche*. Mereka menghadiri kelas, membaca slogan dan propaganda serta berbincang sesama mereka. Bagi golongan remaja dan dewasa mereka menghadiri kelas selepas masa kerja dan membaca tulisan-tulisan Kim Il Sung. Mereka mempraktikkannya atau mengkritik sesama sendiri. Dengan cara ini Kim Il Sung mengawal seluruh rakyatnya.

Walaupun pada peringkat awal Kim Il Sung merupakan boneka Soviet di dalam mendapatkan cita-citanya tetapi kebijaksanaan Kim untuk mengubahkannya kepada satu bentuk negara yang mengagungkan diri dan keluarganya dalam regim komunis-sosialis menjadikan Korea Utara negara ciptaan Kim Il Sung. Imej Kim terus segar walaupun selepas beberapa tahun beliau meninggal dunia. Kim Jong Il gagal menyakinkan rakyat Korea Utara. Beliau lebih suka mengasingkan diri dan pemerintahannya dilakukan oleh parti pusat. Masalah kekurangan makanan dan keburluran semakin memburuknya imej beliau.

Maka Korea Utara lebih sinonim dengan Kim Il Sung dan Kim Il Sung sememangnya "pemimpin agung" untuk masyarakatnya.

**The Great Leader Marshall Kim Il Sung, a matchless patriot and a nation hero, crushed Japanese imperialism and returned triumphantly to the fatherland. Ever since, he has devoted all his energies to the building of a new Korea... The truly great leader is the sun of the nation and a hero of construction who has created a new world for the people.<sup>35</sup>**

## NOTA

- 1 Suryong bermaksud pemimpin agung. Kim Il Sung menganggap Lenin sebagai "suryong kita", Stalin sebagai "suryong kita yang dihormati" manakala Mao Tze Tung dianggap "suryong orang-orang Cina".
- 2 Seperti Raja Sukchong (1674-1720), Raja Yongju (1724-1786) dan Raja Kojong (1863-1907).
- 3 M.P. Srivastava, *The Korean Conflict: Search for Unification*, Eastern Economy Edition, Taj Press, New Delhi, 1982, hlm. 8.
- 4 Korea Utara menjadi minat Soviet Union selepas tamatnya Perang Dunia Ke II. Korea Utara diperlukan sebagai tempat persinggahan yang berdekatan dengan pelabuhan lautnya di Vladivostok. Persaingan Soviet-Amerika di Asia Timur akhirnya memisahkan Semenanjung Korea kepada dua bahagian di garisan 38 darjah garislintang. Korea Utara didominasi oleh Soviet Union dengan pengaruh komunism, idea-idea stalinism dan tentera.
- 5 Dengan campurtangan asing seperti Amerika Syarikat, Soviet Union, Great Britain dan China, isu Korea diperdebatkan dalam persidangan Yalta, Postdam dan Moscow. Secara langsung atau tidak Korea menjadi *sandwich* kepada kuasa-kuasa besar sehingga diletakkan dibawah dasar *trusteeship* selama 5 tahun. Korea perlu berada dalam pengawasan kuasa-kuasa asing sebelum diberi kemerdekaan sebagai negara yang demokratik, bersatu dan berkerajaan sendiri. Korea dianggap sebagai negara yang paling *crucial* di Asia Timur maka Amerika bertanggungjawab mengamankan Semenanjung Korea selepas Jepun meninggalkan Korea (1910-1945), Calude Buss, *The United States and the Republic of Korea: Background for Policy*, Hoover Institution Press, Stanford, 1982, hlm 63.
- 6 "Kim Il Sung", *The Columbia Encyclopedia*, edisi ke lima, Columbia University Press, 1993
- 7 Beliau dikatakan pernah menubuhkan Persatuan Kebangsaan Korea (KNA) pada 1917 dan mengasaskan *chiwon* iaitu idea revolusioner anti-Jepun.
- 8 "Kim Il Sung", <http://violet.berkeley.edu/~korea/kimilsung.html>.
- 9 Ibunya dilahirkan pada 21 April 1892 di Chilgol, Ha-ri, wilayah Pyungan selatan. Bapanya seorang pejuang dan guru yang mengajar lebih 30 tahun. Ibunya berkahwin dengan bapanya pada 1908 sewaktu berusia 17 tahun.
- 10 Baik Bong, *Kim Il Sung (biography I)*, Dar Al-Talia, Beirut, Lebanon, 1973, hlm. 16
- 11 Kim Chung Ae meninggal pada tahun 1949. Adik lelaki Jong Il meninggal dunia setahun sebelumnya akibat lemas di Pyongyang. Kim Song Ae ingin meletakkan adik tirinya Kim Pyong sebagai pemimpin negara. Song Ae



merupakan salah seorang di kalangan keluarga yang ingin mencabar Kim Jong Il. Peter Cromr, "The First Marxist Family Dynasty", *General Anzeiger*, West Germany, Oktober 14, 1980 (terjemahan), dalam *The Son Also Rises*, The Institute for North Korea Studies, Seoul, Korea, hlm. 37.

- 12 *Kim Il Sung, A Brief Biography*, Science and Encyclopedia Press Group, Pyongyang, Korea, 1993, hlm. 3.
- 13 Peristiwa ini dilihat sendiri oleh penulis yang kebetulan berada di Korea Selatan ketika itu. Kesedihan jelas kelihatan pada rakyat Korea Utara manakala sebahagian besar rakyat Korea Selatan bergembira kerana menganggap Kim Il Sung pencetus kepada Perang Korea yang memisahkan mereka dan keluarga mereka. Ada yang menjerit kegembiraan. Manakala pihak kabinet Korea Selatan mengadakan mesyuarat tergembar berikutan berita kematian tersebut. Walaupun majoriti rakyat Korea Selatan membenci Kim Il Sung tetapi terdapat juga pengikut beliau dan golongan yang percaya kepada komunism berkahung atas kematiannya dan melakukan upacara sembahyang. Pelajar-pelajar universiti dilaporkan mengadakan perhimpunan dan berkahung. Ini didapati dari kesan-kesan upacara *chesa* atau penyembahan nenek moyang.
- 14 Op cit, *Kim Il Sung: A Brief Biography*, hlm.4.
- 15 Ibid,
- 16 Jawatankuasa Rakyat mempunyai kuasa seperti yang diperuntukkan dalam artikel 76 perlembagaan DPRK, perkara 8; "bahawa Jawatankuasa Rakyat (presidennya Kim Il Sung) berkuasa memilih dan memecat Presiden Mahkamah Pusat". Dalam artikel 142 menyatakan; "Mahkamah juga dikatakan berhubung dengan kuasa presiden". Ini memperlihatkan peranan dan kuasa presiden adalah mudak, *Kim Il Sung: Selected Works VI*, Sovereign Languages Publishing House, Pyongyang, North Korea, 1995, hlm. 365.
- 17 Lim Un, *The Founding of a Dynasty in North Korea: An Authentic Biography of Kim Il Sung*, Jiyu-sha, Jepun, 1982, hlm. 156.
- 18 *The Red Dynasty*, The Institute of North Korean Studies, Seoul, South Korea, Jun 1982, hlm. 33-35.
- 19 Konfederasi Koryo menggariskan beberapa prinsip seperti menjadikan ideologi *Juche* sebagai falsafah asas, proses penyatuan berdasarkan penyempurnaan persekutuan dan menekankan pembangunan struktur negara bersatu. Kaum buruh menjadi penggerak utama penyatuan. Persekutuan dua negara Korea dengan sistem dan pemerintahan masing-masing sebagai bentuk Korea Bersatu. Lihat *Dasar Penyatuan*, Pelayanan Informasi Korea di Luar Negeri, Seoul, Korea, November 1996.

- 20 Kim Yong Kyu, "Value Systems of North Korean People", *Vantage Point - Developments in North Korea*, vol. xix, no.7, Naewoe Press, Seoul, July 1996, hlm. 31.
- 21 Jang Jae In, *Political Ideology of North Korea: the Juche Thought*, Institute of Far Eastern Studies, Kyungnam University, Seoul, 1990, hlm. 229-230.
- 22 Op.cit "Value Systems of North Korean People", hlm. 35.
- 23 Op.cit, *The Red Dynasty*, hlm 32.
- 24 Ibid, hlm. 68.
- 25 "Personality Cult Succession", *Afterposten*, Norway, September 4, 1980, (terjemahan) dalam *The Son Also Rises*, hlm. 14.
- 26 op.cit, *The Red Dynasty*, hlm. 45
- 27 Hwang Jang Yop merupakan seorang pensyarah falsafah di Universiti Kim Il Sung. Beliau mendapat pendidikan di Universiti Moscow. Hwang dikatakan terlibat dalam politik Korea Utara dan menjawat beberapa jawatan utama. Antaranya sebagai ahli Jawatankuasa Pusat KWP (1970), Ketua Setiausaha Komite Pusat (1984), Naib-Pengerusi Agensi Keamanan dan Penyatuan Negara, Pengerusi Majlis Perhimpunan Rakyat, Pengerusi Diplomasi Asing dan sebagainya. Hwang Jang Yop merupakan orang kuat Kim Il Sung tetapi lari ke Korea Selatan pada Februari 1997.
- 28 Hanh Ho Suk, *The Real Hwang Jang Yop: An Analysis of Hwang Jang Yop Incident*, Center for Korean Affairs, Inc, <http://www.kimsoft.com/korea/whang.r.htm>, hlm.3.
- 29 *A Brief Biography of the Respected Leader Kim Jong Il*, <http://www.geocities.com/capitolHill/Lobby/1461/kimjongilbio.htm>, hlm.3.
- 30 "Still Loyal to Late Kim's Teaching", *Vantage Point: Developments in North Korea*, vol.xix, no.7, Naewoe Press, Seoul, July 1996, hlm.2
- 31 Jong Il dikatakan tidak mahu membuat pengisytiharan pelantikan sewaktu rakyatnya menderita kelaparan. Beliau juga dikatakan menunggu golongan pemimpin utama di DPRK yang berumur 70 atau 80 tahun bersara ataupun selepas mencapai kejayaan dalam hubungannya dengan Washington. Lihat "North Korea Has To and Will Change Anyway", *Vantage Point: Developments in North Korea*, vol.xix, no.7, July 1996, hlm. 12.
- 32 ibid, hlm. 4.
- 33 "Can Kim Jong Il Tackle Serious Economic Troubles", *Vantage Point: Developments in North Korea*, vol. xx, no.2, February 1997, hlm 1.
- 34 ibid, hlm.11.
- 35 op cit, *The Red Dynasty*, hlm. 42.

BIBLIOGRAFI

- 1 *A Brief Biography of the Respected Leader Kim Jong Il*, Science & Encyclopedia Press Group, Pyongyang, Korea, 1993.
- 2 Baik Bong, *Kim Il Sung (biography I)*, Dar Al-Talia, Beirut, Lebanon, 1973.
- 3 Calude Buss, *The United States and the Republic of Korea: Background for Policy*, Hoover Institution Press, Stanford, 1982.
- 4 "Can Kim Jong Il Tackle Serious Economic Trouble", *Vantage Point: Developments in North Korea*, The Naewoe Press, Seoul, vol xx, no.2, February 1997.
- 5 "Dasar Penyatuan", *Pelayanan Informasi Korea di Luar Negeri*, Seoul, Korea, November 1996.
- 6 Hahn Ho Suk, "The Real Hwang Jang Yop: An Analysis of the Hwang Jang Yop Incident", Center for Korean Affairs, <http://www.kimsoft.com/korea/whang.c.htm>.
- 7 Jang Jae In, *Political Ideology of North Korea: The Juche Thought*, Institute of Far Eastern Studies (IFES), Kyungnam University, Seoul, 1990.
- 8 "Kim Il Sung", *The Columbia Encyclopedia*, edisi ke lima, Columbia University Press, 1993.
- 9 "Kim Il Sung", <http://violet.berkeley.edu/korea/kimilsung.html>
- 10 *Kim Il Sung: Selected Works IV*, Sovereign Language Publishing House, Pyongyang, North Korea, 1995.
- 11 *Kim Il Sung: A Brief Biography*, Science & Encyclopedia Press Group, Pyongyang, North Korea, 1993.
- 12 Kim Sun Ryong, "The Juche Revolutionary Party", *Korea Today*, no.1, 1996 atau <http://www.geocities.com/CapitolHill/Lobby/1461/jucheparty.htm>
- 13 Kim Yong Kyu, "Value Systems of North Korean People", *Vantage Point: Developments in North Korea*, Naewoe Press, Seoul, vol. xix no. 7, July 1997.
- 14 Lim Un, *The Founding of a Biography*, Science & Encyclopedia Press Group, Pyongyang, North Korea, 1993.
- 15 M.P. Srivastava, *The Korean Conflict: Search For Unification*, PRENTICE Hall of India, New Delhi, June 1982.
- 16 "North Korea Has To and Will Change Anyway", (temuramah dengan Tae Hwan Kwak), *Vantage Point: Developments in North Korea*, vol.xix, no. 7, July 1996.
- 17 Peter Crome, "Personality Cult Succession", *General Anzeiger*, West Germany (terjemahan), September 4, 1980, dalam *The Son Also Rises*, The Institute for North Korea Studies, Seoul, Korea
- 18 \_\_\_\_\_ "The First Marxist Family Dynasty", *General Anzeiger*, West Germany, 14 Oktober 1980, dalam *The Son Also Rises*, The Institute for North Korea Studies, Seoul, Korea.

- 19 "Still Loyal to Late Kim's Teaching", *Vantage Point: Development of North Korea*, The Naewoe Press, Seoul, vol. xix, no. 7, July 1996.
- 20 *The Red Dynasty*, The Institute of North Korean Studies, Seoul, Korea, June 1982.
- 21 "The 21<sup>st</sup> Century and Leader Kim Jong Il", <http://www.geocities.com/CapitolHill/Lobby/1461/21stcentury.htm>
- 22 "The Great President's Life and Ideology", <http://www.geocities.com/CapitolHill/Lobby/1461/greatpresident.htm>